

Nikmati puncak kehidupan anda
dengan perlindungan yang bernilai

PRUTerm Premier

Pastikan hasil kejayaan anda dijamin untuk masa depan
orang tersayang

Insurans Perlindungan



PRUDENTIAL

Mendengar. Memahami. Melaksana.



PRUTerm Premier

Menjana dan mengumpulkan pendapatan adalah matlamat kehidupan bagi kebanyakan orang. Walaupun membina kekayaan adalah penting, ia juga penting untuk anda memastikan kekayaan anda dilindungi supaya anda dapat menguruskan risiko kewangan apabila keadaan yang tidak dijangka berlaku.

Melindungi kekayaan dapat membantu anda mencapai lebih banyak matlamat dalam kehidupan, seperti mewariskan legasi untuk generasi yang akan datang atau memberikan jaringan keselamatan kewangan untuk anda dan orang tersayang. Jika anda seorang ahli korporat atau pemilik perniagaan, perlindungan kewangan yang kukuh boleh membantu melindungi kepentingan perniagaan anda dan memastikan kesinambungan perniagaan sekiranya perkara yang tidak diduga menimpa anda. Ayuh bertindak untuk memastikan keselamatan kewangan anda dan mencipta nilai yang lebih bermakna dengan kekayaan anda hari ini dengan pelan **PRUTerm Premier** kami.



Perlindungan tinggi dengan nilai hebat

Dengan premium harian RM5.52¹, anda mendapat perlindungan kematian bernilai RM500,000 sehingga umur 80 tahun agar keluarga tersayang memperoleh ketenangan walaupun anda tiada lagi di sisi mereka. Perlindungan tinggi yang bernilai ini memberikan anda keyakinan bahawa masa depan mereka terjamin.

Pilihan yang fleksibel bagi tempoh polisi dan tempoh pembayaran premium untuk memenuhi pelbagai keperluan

Kebebasan untuk menentukan tempoh polisi dan tempoh pembayaran premium yang sesuai dengan keperluan anda. Anda mempunyai pilihan bagi:

Tempoh polisi dari 5 sehingga 63 tahun²



Tempoh pembayaran premium dari 5 sehingga 63 tahun³



Meningkatkan perlindungan untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat

Komitmen akan bertambah apabila kita melalui tahap kehidupan yang berbeza. SA Booster, rider opsyenal yang boleh dilampirkan bersama **PRUTerm Premier** akan membolehkan anda untuk meningkatkan jumlah perlindungan kematian setiap tahun tanpa memerlukan pengunderaitan. Anda boleh pilih kadar tambahan antara 1% hingga 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas yang bersesuaian dengan keperluan hidup anda.

Menerima pembayaran sekaligus sebagai sokongan tambahan apabila kejadian yang tidak diingini berlaku

Tingkatkan perlindungan anda dengan rider opsyenal Disability Care, manfaat yang dipercepat untuk memberi sokongan kewangan sekiranya Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)⁴ berlaku kepada anda.



¹Premium yang dinyatakan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan umur 30 tahun, Perempuan Bukan Perokok, Kad Kredit, Tempoh Polisi 50 tahun dengan tempoh pembayaran premium 50 tahun, secara tahunan.

²Sehingga umur tamat tempoh 80 tahun.


³Sehingga tempoh polisi.

⁴Sebelum Ulang Tahun Polisi umur 70 tahun, atau tamat tempoh rider, yang mana lebih awal.

Bagaimana PRUTerm Premier berfungsi?

Jack pada umur 35 tahun, memilih untuk menjamin masa depannya dan keluarganya dengan membeli PRUTerm Premier untuk perlindungan sehingga umur 80 tahun. Dia bermula dengan perlindungan RM1 juta, dilampirkan bersama rider Disability Care dengan perlindungan RM1 juta dan rider SA Booster dengan kadar tambahan 5% setiap tahun untuk mengikut komitmen dan pendapatannya yang semakin meningkat. Jack ingin berhenti membayar premium pada umur persaraan 60 tahun dan menghentikan penambahan perlindungan pada umur 50 tahun dengan membatalkan rider SA Booster apabila anak perempuannya telah tamat pengajian di universiti.

Apabila Jack meninggal dunia pada umur 75 tahun, dia mewariskan RM1.75 juta untuk keluarganya.



PRUTerm Premier menyediakan fleksibiliti kepada Jack untuk menyesuaikan pelan perlingungannya berdasarkan keperluan untuk melindungi masa depan keluarganya walaupun dia sudah tiada lagi di sisi mereka.

Premium bulanan yang dinyatakan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan umur 35 tahun, Lelaki Bukan Perokok, Kad Kredit, Tempoh Polisi 45 tahun dengan tempoh pembayaran premium 25 tahun dan dilampirkan bersama rider Disability Care dan SA Booster.



Untuk maklumat lanjut, layari www.prudential.com.my atau hubungi salah seorang Perancang Kewangan Prudential kami yang mesra. Kami sentiasa di sini untuk membantu.

Nota Penting dan Penafian:

- **PRU**Term Premier adalah pelan tempoh tanpa penyertaan premium berkala yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Kadar premium untuk pelan asas dan opsyenal rider adalah dijamin.
- Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Jualan **PRU**Term Premier dan risalah *insuranceinfo* mengenai Insurans Hayat sebelum membeli sesuatu polisi. Sila ambil perhatian bahawa terdapat pengecualian-pengecualian yang berkenaan kepada setiap manfaat. Sila merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk, Ilustrasi Jualan dan dokumen polisi untuk senarai penuh manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian, tempoh menunggu serta terma dan syarat di bawah polisi ini.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda premium dan cukai (jika ada) yang telah anda bayar, tolak perbelanjaan perubatan yang kami mungkin telah bayar atau bersetuju untuk bayar.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Jika anda tidak dapat membayar premium anda dalam tempoh tangguh selama satu bulan, maka amaun nilai tunai yang ada akan digunakan untuk mendahulukan premium di bawah Skim Pinjaman Premium Automatik pada kadar faedah semasa, seperti yang ditentukan oleh Prudential. Jika nilai tunai tersebut tidak dapat menampung premium yang tertunggak atau hutang lain dengan Prudential, maka polisi anda akan luput.
- Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
- **PRU**Term Premier bukan produk mematuhi Syariah.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan digunapakai.

Prudential Assurance Malaysia Berhad

Ahli PIDM

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada PAMB atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

06/2021